Prestasi Industri Takaful

- Tinjauan Keseluruhan Prestasi Industri
- Prestasi Perniagaan Takaful Keluarga
- Prestasi Perniagaan Takaful Am

Prestasi Industri Takaful

Tinjauan Keseluruhan Prestasi Industri

Industri takaful terus berkembang pada tahun 2005, didorong oleh pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang kukuh. Prestasi industri takaful yang menggalakkan dicerminkan oleh penunjuk utama berikut:

- Penembusan pasaran[1] industri takaful meningkat kepada 5.6% pada tahun 2005 daripada 5.1%;

- Caruman bersih gabungan takaful keluarga dan am meningkat 18.8% kepada RM1.3 bilion (2004: RM1.1 bilion), yang seterusnya meningkatkan bahagiannya kepada 5.4% (2004: 5.1%) daripada gabungan caruman bersih sektor insurans; dan

- Jumlah aset industri takaful bertambah 16.9% kepada RM5.9 bilion pada tahun 2005 (2004: RM5 bilion), mencakupi 5.7% (2004: 5.6%) daripada jumlah aset sektor insurans.

Pertumbuhan dua angka industri takaful yang kukuh ini disokong oleh prestasi tiga saluran agihan utama yang memberangsangkan, iaitu banktakaful, agensi dan broker serta pemasaran langsung seperti yang berikut:

- Peningkatan ketara produk yang dipasarkan melalui banktakaful dengan bahagian sebanyak 20.4% (2004: 6.5%), memandangkan pengendali takaful terus menggunakan struktur kumpulan mereka dan cawangan institusi kewangan yang sedia ada sebagai saluran agihan;

Carta 1.1
Caruman Bersih



Nota: Caruman bersih bagi tahun 2001 tidak termasuk skim anuiti (SATK) yang dipasarkan khusus kepada pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

- Prestasi kukuh ejen dan broker yang terus menjana caruman yang lebih tinggi sebanyak RM428.7 juta (2004: RM345.3 juta), disokong oleh tenaga agensi yang lebih aktif; dan

- Pemasaran langsung kekal sebagai saluran agihan yang dominan dengan menjana 44.3% daripada perniagaan baru, sungguhpun bahagian agihan ini menurun daripada 61% pada tahun 2004. Ini mencerminkan bahawa saluran agihan lain semakin menjadi pilihan.

Beberapa inisiatif telah dilancarkan untuk memperkukuh daya tahan industri takaful, dan dengan itu mempersiapkan Malaysia untuk menjadi pusat takaful dan takaful semula antarabangsa. Inisiatif ini, yang antara lain menekankan

[1] Bilangan sijil berkuat kuasa dibahagi jumlah penduduk

Carta 1.2
Agihan Caruman Mengikut Saluran Agihan



peningkatan keefisienan operasi, pengukuhan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko, serta memperbaik amalan-amalan pasaran dan kesedaran pelanggan, telah menjadikan industri takaful Malaysia lebih teguh sebagaimana yang dicerminkan oleh prestasi lebih mantap sektor takaful keluarga dan takaful am.

Prestasi Perniagaan Takaful Keluarga

Perniagaan Baru

Pada tahun 2005, sektor takaful keluarga terus mengalami kadar pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 20.2% (2004: 18.1%) kepada RM725.5 juta bagi caruman perniagaan baru. Pertumbuhan ini disumbangkan terutamanya oleh faktor berikut:

- Peningkatan lebih tujuh kali ganda bagi pelan berkaitan pelaburan yang dicerminkan oleh bahagian caruman perniagaan baru yang lebih besar sebanyak 9.7% (2004: 1.6%), iaitu berjumlah RM70.1 juta. Daripada jumlah caruman ini, 97.9% ialah caruman tunggal. Pertumbuhan itu telah disokong oleh reka bentuk produk yang menarik serta penggunaan banktakaful yang berkesan sebagai salah satu saluran utama pengagihan. Strategi pelaburan yang dinamik dan penawaran lebih banyak instrumen pelaburan yang berlandaskan Syariah turut menambah kemantapan pertumbuhan pelan berkaitan pelaburan;

Jadual 1.1
Agihan Perniagaan Baru mengikut Pelan

	2001	2002	2003	2004	2005	2003	2004	2005	2003	2004	2005
Bilangan Sijil	unit					% perubahan			% bahagian		
Keluarga Biasa	205,871	236,939	263,101	287,921	353,514	11.0	9.4	22.8	99.3	99.1	99.1
Individu	204,660	235,468	260,968	283,594	348,619	10.8	8.7	22.9	98.5	97.6	97.7
Berkumpulan	1,211	1,471	2,133	4,327	4,895	45.0	102.9	13.1	0.8	1.5	1.4
Anuiti[1]	2	98	1,006	402	538	926.5	-60.0	33.8	0.4	0.1	0.2
Berkaitan Pelaburan	-	-	928	2,215	2,571	-	138.7	16.1	0.3	0.8	0.7
Jumlah	205,873	237,037	265,035	290,538	356,623	11.8	9.6	22.7	100.0	100.0	100.0
Jumlah Penyertaan	RM juta					% perubahan			% bahagian		
Keluarga Biasa	12,817.1	14,174.8	18,317.1	36,420.6	36,241.4	29.2	98.8	-0.5	99.9	99.9	99.9
Individu	8,407.4	10,015.8	11,379.5	14,403.9	15,937.1	13.6	26.6	10.6	62.1	39.5	43.9
Berkumpulan	4,409.7	4,159.0	6,937.6	22,016.7	20,304.3	66.8	217.4	-7.8	37.8	60.4	56.0
Anuiti[1]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Berkaitan Pelaburan	-	-	12.8	37.5	39.6	-	193.2	5.7	0.1	0.1	0.1
Jumlah	12,817.1	14,174.8	18,329.9	36,458.1	36,281.0	29.3	98.9	-0.5	100.0	100.0	100.0
Caruman	RM juta					% perubahan			% bahagian		
Keluarga Biasa	368.7	451.3	502.9	592.4	653.2	11.4	17.8	10.3	98.4	98.1	90.0
Individu	330.2	412.2	452.8	485.0	507.2	9.8	7.1	4.6	88.6	80.3	69.9
Berkumpulan	38.5	39.1	50.1	107.4	146.0	28.1	114.5	35.9	9.8	17.8	20.1
Anuiti[1]	0.1	0.9	4.9	1.9	2.2	444.1	-62.0	15.6	1.0	0.3	0.3
Berkaitan Pelaburan	-	-	3.2	9.4	70.1	-	197.5	642.7	0.6	1.6	9.7
Jumlah	368.8	452.2	511.0	603.7	725.5	13.0	18.1	20.2	100.0	100.0	100.0

[1] Caruman bersih bagi tahun 2001 tidak termasuk skim anuiti (SATK) yang dipasarkan khusus kepada pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Jadual 1.2
Agihan Caruman Perniagaan Baru mengikut Pelan

	2004	2005	2005	2004	2005
	RM juta		% perubahan	% bahagian	
Keluarga Biasa	592.4	653.2	10.3	98.1	90.0
Endowmen	104.9	143.0	36.3	17.4	19.7
Pendidikan	29.1	45.7	57.2	4.8	6.3
Lain-lain	75.8	97.3	28.2	12.6	13.4
Sementara	407.3	418.2	2.7	67.5	57.6
Gadai Janji	373.6	376.6	0.8	61.9	51.9
Lain-lain	33.7	41.6	23.4	5.6	5.7
Perubatan dan Kesihatan	57.7	63.2	9.5	9.5	8.7
Lain-lain[1]	22.5	28.8	27.9	3.7	4.0
Anuiti	1.9	2.2	15.6	0.3	0.3
Berkaitan Pelaburan	9.4	70.1	642.7	1.6	9.7
Jumlah	603.7	725.5	20.2	100.0	100.0

[1] Termasuk rider

- Pertumbuhan caruman perniagaan baru pelan endowmen pendidikan yang ketara sebanyak 57.2%, hasil daripada pelancaran pelan endowmen pendidikan baru dan peningkatan kesedaran orang ramai tentang kos pendidikan tinggi pada masa hadapan, terutamanya di peringkat kolej dan universiti swasta. Industri takaful menjana RM45.7 juta caruman baru daripada pelan endowmen pendidikan; dan

- Pertumbuhan kecil sebanyak 2.7% bagi pelan takaful sementara yang kekal sebagai pelan yang dominan dalam takaful keluarga dengan bahagian sebanyak 57.6% daripada caruman perniagaan baru. Permintaan terhadap pelan takaful sementara mempunyai korelasi yang amat tinggi dengan pembiayaan perumahan secara Islam memandangkan 90% daripada perniagaan takaful sementara berpunca daripada takaful bertempoh gadai janji berkurang.

Carta 1.3
Agihan Caruman Perniagaan Baru mengikut Pelan



Pelan endowmen dan pelan berkaitan pelaburan merupakan pelan takaful jenis pelaburan yang terus menjadi pilihan. Bahagian pasaran caruman baru bagi pelan takaful anuiti kekal kecil secara relatifnya, disebabkan terutamanya oleh kekurangan produk baru atau peningkatan produk anuiti pada tahun 2005.

Penamatan

Sejumlah 174,169 sijil dengan caruman tahunan sebanyak RM90.4 juta ditamatkan pada tahun 2005. Kadar penamatan[2] meningkat daripada 13.2% (2004) kepada 19%. Komponen terbesar penamatan pelan berkumpulan dan pelan individu keluarga biasa ialah penamatan disebabkan tamat tempoh dan sebab lain, yang merangkumi 69.6% atau RM62.9 juta daripada jumlah caruman tahunan. Kadar serahan[3] bertambah baik sedikit daripada 5.5% pada tahun 2004 kepada 5.4%, sejajar dengan peningkatan dalam penamatan caruman tahunan yang lebih perlahan sebanyak 8% (2004: 39.2%) kepada RM25.6 juta. Penamatan kerana serahan sebahagian besarnya disebabkan penunaian pelan takaful untuk keperluan peribadi terutamanya semasa musim perayaan, penukaran kepada pelan lain dan penyelesaian awal pembiayaan pelan gadai janji. Pada tahun 2005, penamatan disebabkan kematangan kekal kecil, membabitkan caruman tahunan sebanyak

[2] Jumlah penamatan caruman tahunan dibahagi caruman tahunan berkuat kuasa pada awal tahun
[3] Jumlah serahan caruman tahunan dibahagi caruman tahunan berkuat kuasa pada awal tahun

Jadual 1.3
Agihan Penamatan

	2003	2004	2005	2004	2005	2004	2005
Bilangan Sijil	unit			% perubahan		% bahagian	
Kematian	1,532	1,588	1,832	3.7	15.4	1.2	1.0
Kematangan	620	1,514	1,628	144.2	7.5	1.1	0.9
Serahan	28,075	39,472	38,598	40.6	-2.2	29.8	22.2
Sebab Lain (termasuk tamat tempoh)	51,925	89,957	132,111	73.2	46.9	67.9	75.9
Jumlah	82,152	132,531	174,169	61.3	31.4	100.0	100.0
Jumlah Penyertaan	RM juta			% perubahan		% bahagian	
Kematian	55.2	85.5	151.3	55.1	77.0	0.6	0.8
Kematangan	12.8	22.5	30.8	76.6	36.9	0.1	0.2
Serahan	1,081.3	1,356.2	1,558.7	25.4	14.9	9.2	8.4
Sebab Lain (termasuk tamat tempoh)	6,289.0	13,316.6	16,765.6	111.7	25.9	90.1	90.6
Jumlah	7,438.3	14,780.8	18,506.4	98.7	25.2	100.0	100.0
Caruman Tahunan	RM juta			% perubahan		% bahagian	
Kematian	0.9	0.4	1.1	-57.8	191.8	0.7	1.2
Kematangan	0.4	0.9	0.8	128.0	-10.4	1.6	0.9
Serahan	17.0	23.7	25.6	39.2	8.0	41.5	28.3
Sebab Lain (termasuk tamat tempoh)	27.6	32.1	62.9	16.2	96.1	56.2	69.6
Jumlah	45.9	57.1	90.4	24.3	58.4	100.0	100.0

RM0.8 juta atau 0.9% daripada jumlah caruman tahunan.

Perniagaan Berkuat Kuasa

Perniagaan berkuat kuasa terus menunjukkan hasil yang positif dengan bilangan sijil, jumlah penyertaan dan caruman tahunan meningkat pada kadar dua angka, masing-masing 14%, 25.5% dan 20.8%. Ini disebabkan terutamanya oleh pengembangan perniagaan baru yang pesat dan peningkatan kecil kadar penamatan.

Prestasi memberangsangkan bagi perniagaan berkuat kuasa disokong oleh faktor berikut:

- Kadar pertumbuhan dua angka dalam jumlah penyertaan pelan berkaitan pelaburan, satu trend positif yang berterusan sejak pelan berkaitan pelaburan diperkenalkan pada tahun 2003. Pertumbuhan pelan berkaitan pelaburan secara konsisten mengatasi pertumbuhan pelan anuiti disebabkan terutamanya oleh kefleksibelan reka bentuk produk. Caruman tahunan bagi pelan berkaitan pelaburan meningkat pada kadar lebih rendah sebanyak 24.4% (2004: 175.8%) kerana sebahagian besar pelan berkaitan pelaburan dipasarkan sebagai caruman tunggal;

- Pengembangan berterusan bagi takaful keluarga biasa berkumpulan dengan peningkatan jumlah penyertaan sebanyak 40.9% hasil daripada strategi pemasaran yang agresif, peningkatan produk melalui percantuman rider dan pakatan strategik dengan bank dan koperasi; dan

- Pertumbuhan kecil sebanyak 3.5% oleh takaful bertempoh gadai janji berkurang yang kekal sebagai pelan dominan dengan bahagian sebanyak 46.4% daripada jumlah penyertaan.

Dari segi caruman tahunan berkuat kuasa, pelan takaful endowmen kekal sebagai komponen terbesar dengan 76.4% bahagian, diikuti pelan takaful rider dengan 11.3% bahagian. Dari segi caruman tahunan, 72.9% atau RM420 juta telah dijana oleh pelan endowmen individu.

Saiz dan Kos Purata Sijil Berkuat Kuasa Tahunan

Pelan Takaful Individu Keluarga Biasa

Caruman tahunan purata meningkat 2.5% (2004: -1.2%) kepada RM741 selaras dengan pertambahan

Jadual 1.4
Agihan Perniagaan Berkuat Kuasa mengikut Pelan

	2001	2002	2003	2004	2005	2003	2004	2005	2003	2004	2005
Bilangan Sijil	unit					% perubahan			% bahagian		
Keluarga Biasa	726,398	888,879	1,084,038	1,269,592	1,453,040	22.0	17.1	14.4	96.1	96.5	96.9
Individu	722,763	884,874	1,079,558	1,264,278	1,444,687	22.0	17.1	14.3	95.7	96.1	96.3
Berkumpulan	3,635	4,005	4,480	5,314	8,353	11.9	18.6	57.2	0.4	0.4	0.6
Anuiti	44,867	43,333	43,485	42,708	41,706	0.4	-1.8	-2.3	3.8	3.3	2.8
Berkaitan Pelaburan	-	-	923	2,888	4,945	-	212.9	71.2	0.1	0.2	0.3
Jumlah	771,265	932,212	1,128,446	1,315,188	1,499,691	21.1	16.5	14.0	100.0	100.0	100.0
Jumlah Penyertaan	RM juta					% perubahan			% bahagian		
Keluarga Biasa	46,247.6	51,404.3	61,388.6	86,571.0	109,269.7	19.4	41.0	26.2	96.6	97.6	98.1
Individu	27,589.4	33,193.5	41,450.1	54,170.5	63,624.3	24.9	30.7	17.5	65.2	61.1	57.1
Berkumpulan	18,658.2	18,210.8	19,938.5	32,400.5	45,645.4	9.5	62.5	40.9	31.4	36.5	41.0
Anuiti	2,311.4	2,221.6	2,172.5	2,095.9	1,996.0	-2.2	-3.5	-4.8	3.4	2.3	1.8
Berkaitan Pelaburan	-	-	12.7	45.0	76.8	-	253.1	70.8	. . .	0.1	0.1
Jumlah	48,559.0	53,625.9	63,573.8	88,711.9	111,342.5	18.6	39.5	25.5	100.0	100.0	100.0
Caruman[1]	RM juta					% perubahan			% bahagian		
Keluarga Biasa	1,057.8	1,357.5	431.3	473.7	572.1	-	9.8	20.8	99.7	99.3	99.2
Individu	945.3	1,213.6	405.5	455.4	551.5	-	12.3	21.1	93.7	95.5	95.7
Berkumpulan	112.5	143.9	25.8	18.3	20.6	-	-29.1	12.5	6.0	3.8	3.5
Anuiti	961.2	748.3	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Berkaitan Pelaburan	-	-	1.3	3.5	4.3	-	175.8	24.4	0.3	0.7	0.8
Jumlah	2,019.0	2,105.8	432.6	477.2	576.4	-	10.3	20.8	100.0	100.0	100.0

[1] Mulai tahun 2003 caruman berkuat kuasa yang dilapor hanya bagi caruman tahunan
. . . Terlalu kecil

caruman tahunan. Jumlah penyertaan purata juga terus meningkat 11.2% (2004: 27.4%) kepada RM28,152. Peningkatan dalam jumlah penyertaan purata telah menyumbang kepada penurunan kos purata sijil tahunan sebanyak 7.8% kepada RM26 bagi setiap RM1,000 jumlah penyertaan.

Pelan takaful endowmen mencatat caruman tahunan purata sebanyak RM650 (2004: RM644) dengan jumlah penyertaan purata sebanyak RM21,572 (2004: RM20,157). Oleh itu, kos purata sijil tahunan untuk pelan takaful endowmen menurun daripada RM32 kepada RM30 bagi setiap RM1,000 jumlah penyertaan.

Jadual 1.5
Saiz Purata Sijil Berkuat Kuasa Tahunan

	Caruman[1]		Jumlah Penyertaan[2]	
	Individu	Berkumpulan	Individu	Berkumpulan
	RM			
2001	598	30,937	16,842	5,132,917
2002	625	35,934	19,849	4,547,022
2003	731	27,991	19,882	4,324,261
2004	722	46,956	25,327	4,228,446
2005	741	42,557	28,152	4,598,796

[1] Saiz purata caruman berkuat kuasa - jumlah caruman berkuat kuasa dibahagi bilangan sijil berkuat kuasa

[2] Saiz purata jumlah penyertaan berkuat kuasa - jumlah penyertaan berkuat kuasa dibahagi bilangan sijil berkuat kuasa

Pelan Takaful Berkumpulan Keluarga Biasa
Saiz purata caruman berkurang 9.4% kepada RM42,557 manakala jumlah penyertaan meningkat 8.8% kepada RM4.6 juta setiap sijil, mencerminkan

Jadual 1.6
Kos Purata Sijil Berkuat Kuasa Tahunan[1]

	2001	2002	2003	2004	2005
	RM				
Individu	36	32	37	29	26
Berkumpulan	6	8	6	11	9

[1] Caruman bagi setiap RM1,000 jumlah penyertaan berkuat kuasa

trend yang menggalakkan bagi pengguna kerana para peserta membayar caruman yang lebih rendah untuk manfaat yang lebih tinggi. Ini telah mengurangkan kos purata sijil tahunan daripada RM11 kepada RM9 bagi setiap RM1,000 jumlah penyertaan.

Pendapatan dan Perbelanjaan

Kumpulan wang takaful keluarga mencatat lebihan pendapatan atas perbelanjaan yang lebih tinggi sebanyak 46.1%, disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam caruman bersih yang melebihi pertumbuhan manfaat sijil bersih yang perlu dibayar oleh pengendali takaful.

Jumlah pendapatan perniagaan takaful keluarga terus meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 20.5% (2004: 6.1%) kepada RM1.2 bilion selaras dengan pertumbuhan caruman dan pendapatan pelaburan bersih. Caruman bersih meningkat dengan ketara pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 23% (2004: 4.2%) kepada RM977.1 juta, dengan akaun khas peserta biasa menyumbang sebahagian besar (46.3%) daripada caruman bersih. Pendapatan pelaburan bersih nyata bertambah baik dengan peningkatan sebanyak 22.8% kepada RM192.3 juta berbanding dengan penurunan sebanyak 5.3% pada tahun 2004. Pendapatan ini terutamanya terdiri daripada pulangan daripada pelaburan dalam pasaran ekuiti domestik dan sekuriti hutang swasta Islam, yang masing-masing merangkumi 32.5% dan 25.9% bahagian daripada jumlah pendapatan pelaburan bersih atau RM62.5 juta dan RM49.7 juta. Peningkatan keseluruhan dalam jumlah pendapatan menyebabkan pertambahan dalam kadar pulangan secara keseluruhan daripada 4.4% kepada 4.8% (termasuk laba modal) dan daripada 4.1% kepada 4.5% (tidak termasuk laba modal).

Jumlah perbelanjaan hanya menunjukkan peningkatan kecil, iaitu sebanyak 1.1% kepada RM592.1 juta disebabkan pertambahan yang lebih rendah dalam manfaat sijil bersih, komisen bersih dan perbelanjaan pengurusan, serta pengurangan dalam perbelanjaan lain. Manfaat sijil bersih yang dibayar pada tahun 2005 bertambah 23.5% (2004: 39.5%) kepada RM347.2 juta. Daripada jumlah manfaat sijil bersih, 42.5% ialah pembayaran untuk kematian dan hilang upaya manakala 42.1% untuk serahan. Komisen bersih dan perbelanjaan pengurusan masing-masing meningkat pada kadar yang lebih rendah, iaitu 12.7% (2004: 76.5%) dan 6.3% (2004: 43.7%) manakala perbelanjaan lain menurun dengan ketara kepada RM60.6 juta.

Daripada lebihan pendapatan atas perbelanjaan sebanyak RM646.8 juta, 11.8% atau RM76.4 juta telah dipindahkan kepada dana pemegang saham sebagai bahagian keuntungan dan lebihan pemegang saham, manakala baki sebanyak RM570.4 juta disimpan dalam kumpulan wang takaful.

Aset Kumpulan Wang Takaful Keluarga

Jumlah aset perniagaan takaful keluarga bertambah pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 17.3% kepada RM5 bilion (2004: RM4.3 bilion), seiring dengan lebihan pendapatan atas perbelanjaan yang lebih tinggi

Jadual 1.7
Pendapatan dan Perbelanjaan

	2002		2003		2004		2005	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%
Pendapatan								
Caruman Bersih	663.8	83.1	762.5	78.7	794.4	77.3	977.1	78.9
Pendapatan Pelaburan Bersih	110.2	13.8	165.3	17.1	156.6	15.2	192.3	15.5
Pendapatan Lain	25.0	3.1	41.2	4.2	77.5	7.5	69.5	5.6
Jumlah	799.0	100.0	969.0	100.0	1,028.5	100.0	1,238.9	100.0
Perbelanjaan								
Manfaat Sijil Bersih	178.6	22.4	201.4	20.8	281.0	27.3	347.2	28.0
Komisen Bersih	46.4	5.8	46.5	4.8	82.2	8.0	92.6	7.5
Perbelanjaan Pengurusan[1]	25.2	3.2	60.0	6.2	86.3	8.4	91.7	7.4
Perbelanjaan Lain	34.5	4.3	51.4	5.3	136.3	13.3	60.6	4.9
Jumlah	284.7	35.7	359.3	37.1	585.8	57.0	592.1	47.8
Lebihan Pendapatan daripada Perbelanjaan	514.3	64.3	609.7	62.9	442.7	43.0	646.8	52.2

[1] Mulai tahun 2003 perbelanjaan pengurusan termasuk perbelanjaan kumpulan wang takaful keluarga yang ditanggung oleh dana pemegang saham

Jadual 1.8
Aset Kumpulan Wang Takaful Keluarga

	2002		2003		2004		2005	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Harta Benda, Loji dan Peralatan	3.1	0.1	7.2	0.2	4.9	0.1	3.2	0.1
Pelaburan Harta Benda	61.8	2.0	66.0	1.7	70.0	1.6	179.4	3.6
Pembiayaan	89.3	2.8	84.0	2.2	36.9	0.9	55.8	1.1
Pelaburan	1,725.1	54.6	2,227.2	57.6	2,717.1	63.1	3,284.8	65.0
Sekuriti Islam Kerajaan	273.5	8.7	368.1	9.5	498.3	11.6	555.8	11.0
Sekuriti Hutang Swasta Islam dan Ekuiti	1,447.0	45.8	1,850.6	47.9	2,215.0	51.4	2,671.1	52.9
Pelaburan Lain	4.6	0.1	8.5	0.2	3.8	0.1	57.9	1.1
Aset Asing	7.7	0.2	7.7	0.2	7.7	0.2	18.1	0.3
Akaun Pelaburan dan Pasaran Wang Islam	1,183.6	37.4	1,337.2	34.6	1,376.3	32.0	1,257.0	24.9
Wang Tunai dan Baki Bank	70.4	2.2	98.9	2.6	36.6	0.8	144.9	2.9
Aset Lain	21.8	0.7	32.8	0.9	55.6	1.3	105.2	2.1
Jumlah	3,162.8	100.0	3,861.0	100.0	4,305.1	100.0	5,048.4	100.0

pada tahun 2005. Kumpulan wang takaful keluarga biasa, iaitu komponen utama aset yang merupakan 75.3% daripada jumlah aset, bertambah 22.8% kepada RM3.8 bilion. Aset kumpulan wang takaful berkaitan pelaburan meningkat pada kadar yang amat tinggi sebanyak 322.5% untuk mencakupi 1.8% daripada jumlah aset, selaras dengan pertumbuhan perniagaan berkaitan pelaburan baru. Sementara itu, aset kumpulan wang takaful anuiti yang merupakan 23% daripada jumlah aset merosot lagi sebanyak 2.6% disebabkan pembayaran manfaat anuiti dan serahan skim anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Dari segi agihan aset, terdapat pertambahan dalam bahagian sekuriti hutang swasta Islam dan ekuiti, manakala bahagian akaun pelaburan dan instrumen pasaran wang Islam terus berkurang. Agihan penting bagi aset adalah seperti yang berikut:

- Sekuriti hutang swasta Islam dan ekuiti ialah komponen terbesar aset yang mencakupi 52.9% atau RM2.7 bilion. Daripada jumlah pelaburan dalam sekuriti hutang swasta Islam dan ekuiti, sekuriti hutang swasta Islam menyumbang 73.6% atau RM2 bilion. Sejumlah besar daripada sekuriti hutang swasta Islam iaitu RM1.5 bilion atau 77.4% telah dilaburkan dalam sekuriti gred-pelaburan. Dari segi pembabitan pengendali takaful dalam pasaran ekuiti, pelaburan dalam ekuiti meningkat

Carta 1.4:
Komposisi Aset Kumpulan Wang Takaful Keluarga



30.7% kepada RM706.3 juta, yang merupakan 14% daripada jumlah aset. Bahagian sekuriti hutang swasta Islam dan ekuiti yang semakin meningkat menunjukkan inisiatif positif yang diambil oleh pengendali takaful ke arah padanan aset dengan liabiliti yang lebih baik; dan

- Penempatan dalam akaun pelaburan dan pasaran wang Islam turun 7.1% untuk mencakupi 24.9% daripada jumlah aset. Penurunan ini mencerminkan peralihan dalam strategi pelaburan daripada akaun pelaburan dan pasaran wang Islam kepada sekuriti hutang swasta Islam ekoran pertambahan penawaran sekuriti hutang swasta Islam sebanyak 22.3% kepada RM112.2 bilion dalam pasaran.

Laporan Penilaian

Selaras dengan pertumbuhan perniagaan takaful keluarga, kumpulan wang peserta di bawah akaun khas peserta bertambah kukuh dengan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 15.2% kepada RM2 bilion, sementara liabiliti penilaian bertambah pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 13.7%. Ini menyumbang kepada lebihan aktuari yang lebih besar sebanyak RM211.6 juta (2004: RM163 juta) pada akhir tahun 2005. Berikutan itu, nisbah kumpulan wang peserta kepada liabiliti penilaian meningkat daripada 110.3% kepada 111.8%. Ini menunjukkan kemampuan kumpulan wang peserta untuk menampung liabiliti masa hadapan kumpulan wang takaful adalah semakin baik.

Bagi akaun berkumpulan pula, jumlah lebihan bertambah dengan ketara daripada RM88.5 juta (2004) kepada RM116.3 juta berikutan pertambahan yang ketara dalam kumpulan wang peserta sebanyak 23.7%. Lebihan daripada kedua-dua akaun khas peserta dan akaun berkumpulan telah diagihkan sebagai keuntungan kepada peserta yang layak mengikut nisbah agihan keuntungan yang telah dipersetujui.

Prestasi Perniagaan Takaful Am

Pertumbuhan dan Agihan Caruman

Pada tahun 2005, sektor takaful am terus mencatat pertumbuhan dua angka dalam caruman kasar, iaitu pada kadar 12.4% (2004: 22.2%) kepada RM553.8 juta. Prestasi mantap ini disokong oleh faktor yang berikut:

- Pertumbuhan perniagaan motor yang lebih kukuh sebanyak 39.1% (2004: 24.4%) dalam caruman kasar kepada RM208.4 juta. Ini merupakan kadar pertumbuhan tertinggi yang pernah dicapai oleh perniagaan motor sejak lima tahun lalu. Gabungan kesan bilangan tenaga agensi yang lebih tinggi dan lebih aktif serta penggunaan saluran agihan banktakaful yang berkesan merupakan pendorong utama pertumbuhan positif yang kukuh ini. Pertumbuhan ini juga disebabkan oleh peningkatan kesedaran orang ramai terhadap potensi untuk berkongsi lebihan berdasarkan nisbah yang dipersetujui terlebih dahulu dalam takaful motor;

- Pertumbuhan yang ketara sebanyak 52.5% (2004: -21.3%) kepada RM34.2

Jadual 1.9
Keputusan Penilaian

	2003	2004	2005	2004	2005
	RM juta			% perubahan	
Akaun Khas Peserta					
Kumpulan Wang Peserta	1,532.0	1,743.5	2,008.5	13.8	15.2
Tolak: Liabiliti Penilaian	1,324.0	1,580.5	1,796.9	19.4	13.7
Lebihan	208.0	163.0	211.6	-21.6	29.8
Akaun Berkumpulan					
Kumpulan Wang Peserta	163.0	182.8	226.0	12.2	23.7
Tolak: Rizab Caruman	68.6	80.5	95.9	17.4	19.2
Tidak Terperoleh Peruntukan Tuntutan Kena Dibayar Tetapi Belum Dikemukakan	10.9	13.8	13.8	26.5	-0.1
Lebihan	83.5	88.5	116.3	6.0	31.5

Jadual 1.10
Agihan Caruman Kasar

	Marin, Udara dan Transit	Kebakaran	Motor			Semua Risiko Kontraktor dan Kejuruteraan	Kemalangan Diri	Pelbagai	Jumlah
			Perlindungan 'Akta'	Lain-lain	Jumlah				
	RM juta								
2003	35.0	167.2	15.2	105.2	120.4	28.5	20.5	31.4	403.0
2004	75.4	186.2	17.7	132.1	149.8	22.4	21.7	36.9	492.5
2005	69.6	174.3	17.0	191.4	208.4	34.2	28.3	39.0	553.8
	% perubahan								
2004	115.3	11.4	16.2	25.6	24.4	-21.3	5.6	17.8	22.2
2005	-7.7	-6.4	-3.8	44.9	39.1	52.5	30.4	5.5	12.4
	% bahagian								
2003	8.7	41.5	3.8	26.1	29.9	7.1	5.1	7.7	100.0
2004	15.3	37.8	3.6	26.8	30.4	4.6	4.4	7.5	100.0
2005	12.6	31.5	3.1	34.5	37.6	6.2	5.1	7.0	100.0

juta dalam caruman kasar dicatat oleh perniagaan semua risiko kontraktor dan kejuruteraan, disebabkan terutamanya oleh pengunderaitan beberapa akaun utama pada tahun 2005; dan

- Pertumbuhan yang nyata sebanyak 30.4% (2004: 5.6%) kepada RM28.3 juta dalam caruman kasar dicatat oleh perniagaan kemalangan diri hasil daripada kempen pemasaran yang agresif yang dilancarkan pada tahun 2005.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan caruman kasar adalah sederhana berbanding dengan kadar pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 22.2% pada tahun 2004, akibat prestasi yang lembap dalam perniagaan yang berikut:

- Penguncupan pertumbuhan perniagaan kebakaran dalam keadaan pasaran yang lebih kompetitif yang mendorong kepada penurunan dalam kadar caruman. Perniagaan kebakaran mencatat caruman kasar yang lebih rendah sebanyak RM174.3 juta (2004: RM186.2 juta)

Jadual 1.11
Agihan Caruman Bersih

	Marin, Udara dan Transit	Kebakaran	Motor			Semua Risiko Kontraktor dan Kejuruteraan	Kemalangan Diri	Pelbagai	Jumlah
			Perlindungan 'Akta'	Lain-lain	Jumlah				
	RM juta								
2003	12.4	74.2	13.7	100.8	114.5	7.1	19.8	23.5	251.5
2004	15.7	113.6	17.2	126.7	143.9	7.9	21.0	26.5	328.6
2005	13.7	79.0	16.5	184.0	200.5	10.3	26.4	26.7	356.6
	% perubahan								
2004	27.2	53.0	25.6	25.7	25.7	11.5	6.4	12.7	30.7
2005	-13.1	-30.4	-3.7	45.2	39.4	29.7	25.6	0.9	8.5
	% bahagian								
2003	4.9	29.5	5.5	40.1	45.6	2.8	7.9	9.3	100.0
2004	4.8	34.6	5.2	38.6	43.8	2.4	6.4	8.0	100.0
2005	3.8	22.2	4.6	51.6	56.2	2.9	7.4	7.5	100.0

Jadual 1.12
Nisbah Bendungan[1]

	Marin, Udara dan Transit	Kebakaran	Motor			Semua Risiko Kontraktor dan Kejuruteraan	Kemalangan Diri	Pelbagai	Jumlah
			Perlindungan 'Akta'	Lain-lain	Jumlah				
	%								
2003	64.0	65.5	99.6	99.8	99.8	46.0	99.4	85.9	81.1
2004	23.5	84.7	99.9	99.8	99.8	71.6	99.5	90.0	80.7
2005	32.6	69.7	99.2	99.0	99.1	57.6	97.9	85.5	82.2

[1] Mulai tahun 2003 nisbah bendungan dikira berdasarkan peratusan caruman bersih kepada caruman langsung kasar dan caruman takaful semula diterima tolak takaful semula disidkan dalam Malaysia

dan tidak lagi merupakan sektor dominan dalam perniagaan takaful am, dengan bahagian portfolio caruman kasar menurun kepada 31.5% (2004: 37.8%); dan

- Penurunan kecil caruman kasar sebanyak 7.7% dalam perniagaan marin, udara dan transit (MUT) kepada RM69.6 juta (2004: RM75.4 juta). Penguncupan caruman kasar yang dilaporkan bagi sektor ini disebabkan oleh penurunan kadar caruman dalam perniagaan udara.

Caruman bersih bertambah kepada RM356.6 juta (2004: RM328.6 juta) sejajar dengan pertambahan caruman kasar. Sejumlah RM197.2 juta disidkan kepada syarikat-syarikat takaful semula dan insurans semula, dengan hanya 17.1% disidkan kepada syarikat takaful semula. Ini mencerminkan kapasiti dan keupayaan takaful semula semasa yang terhad untuk mengunderait risiko besar dan khusus dalam industri takaful. Daripada jumlah keseluruhan yang disidkan pada tahun 2005, peratusan yang lebih tinggi sebanyak 60.8% (2004: 52.2%) disidkan kepada syarikat-syarikat Malaysia, termasuk syarikat yang beroperasi di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan. Ini mendorong kepada peningkatan keseluruhan dalam tahap bendungan bersih kepada 82.2% (2004: 80.7%). Bakinya sebanyak RM77.3 juta atau 39.2% disidkan ke luar negara, dengan bahagian yang besar sebanyak 44.5% atau RM34.4 juta adalah bagi perniagaan kebakaran.

Pengalaman Tuntutan

Nisbah tuntutan industri keseluruhan merosot sedikit kepada 42.8% daripada 41.2% (2004). Semua kelas mencatat nisbah tuntutan yang lebih baik kecuali perniagaan MUT dan kebakaran. Nisbah

Jadual 1.13
Pengalaman Tuntutan

	Tuntutan Kasar Dibayar		Tuntutan Bersih Dibayar	
	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan
2001	98.9	78.8	38.7	13.5
2002	121.7	23.1	72.9	88.4
2003	104.1	-14.5	78.7	7.9
2004	116.0	11.5	90.8	15.5
2005	187.6	61.7	116.9	28.7

Jadual 1.14
Nisbah Tuntutan[1]

	Marin, Udara dan Transit	Kebakaran	Motor			Semua Risiko Kontraktor dan Kejuruteraan	Kemalangan Diri	Pelbagai	Jumlah
			Perlindungan 'Akta'	Lain-lain	Jumlah				
	%								
2003	30.1	6.1	245.6	16.8	46.3	33.1	75.9	62.9	37.3
2004	13.1	11.8	99.6	44.6	51.4	83.9	69.5	48.4	41.2
2005	23.1	24.6	100.3	45.1	50.4	29.5	56.8	37.6	42.8

[1] Tuntutan bersih kena dibayar sebagai nisbah pendapatan caruman terperoleh

tuntutan bagi perniagaan MUT dan kebakaran meningkat disebabkan oleh tuntutan besar yang dicatat pada tahun 2005.

Pengalaman Pengunderaitan dan Hasil Operasi

Pada tahun 2005, keuntungan pengunderaitan bertambah 68.5% kepada RM115.8 juta (2004: RM68.7 juta) disokong oleh pertambahan pendapatan caruman terperoleh dan pengelasan semula komisen yang diterima atas takaful semula yang disidkan oleh satu pengendali takaful. Tuntutan kena dibayar bersih bertambah RM25.2 juta, disebabkan terutamanya oleh tuntutan yang tinggi dalam sektor motor. Perbelanjaan pengurusan, termasuk perbelanjaan yang ditanggung oleh kumpulan wang pemegang saham dalam perniagaan takaful am, meningkat 28.9% kepada RM95.4 juta.

Keuntungan operasi pengendali takaful berjumlah RM123.6 juta pada tahun 2005. Pendapatan pelaburan bersih yang dijana pada tahun itu ialah RM19.6 juta, dengan pendapatan daripada pelaburan dalam sekuriti hutang swasta Islam menyumbang RM8.5 juta, sementara RM6.9 juta adalah daripada akaun pelaburan dan pasaran wang Islam.

Aset Kumpulan Wang Takaful Am

Jumlah aset kumpulan wang takaful am berkembang 14.7% (2004: 27.3%) kepada RM830 juta pada tahun 2005, sejajar dengan pertumbuhan caruman kasar takaful am. Pertumbuhan pasaran sekuriti hutang swasta Islam yang menggalakkan pada tahun 2005 memberi lebih pilihan untuk melabur kepada pengendali takaful. Pelaburan dalam sekuriti hutang swasta Islam meningkat 40.6% kepada RM232.3 juta. Portfolio pelaburan terus menguasai aset kumpulan wang takaful am, dengan pertambahan bahagian kepada 52.2% daripada 48.3% pada tahun 2004. Sebaliknya, penempatan dana dalam akaun pelaburan dan pasaran wang Islam terus menurun disebabkan oleh keutamaan yang diberikan kepada sekuriti Islam yang memberikan hasil yang lebih tinggi. Aset lain terus meningkat berikutan pertambahan amaun terhutang oleh syarikat takaful semula, broker dan ejen pada tahun 2005.

Jadual 1.15
Pengalaman Pengunderaitan

	Pendapatan Caruman Terperoleh	Tuntutan Kena Dibayar Bersih	Komisen Bersih	Perbelanjaan Pengurusan[1]	Keuntungan Pengunderaitan
	RM juta				
2001	162.5	73.1	7.0	11.8	70.5
2002	199.2	108.2	4.7	13.7	72.5
2003	230.0	85.7	9.1	60.6	74.6
2004	263.4	108.6	12.1	74.0	68.7
2005	312.7	133.8	-32.3	95.4	115.8
	% perubahan	% pendapatan caruman terperoleh			
2001	23.8	45.0	4.3	7.2	43.4
2002	22.6	54.4	2.3	6.9	36.4
2003	15.5	37.3	3.9	26.4	32.4
2004	14.5	41.2	4.6	28.1	26.1
2005	18.7	42.8	-10.3	30.5	37.0

[1] Mulai tahun 2003 perbelanjaan pengurusan tahunan termasuk perbelanjaan kumpulan wang takaful am yang ditanggung oleh dana pemegang saham

Jadual 1.16
Aset Kumpulan Wang Takaful Am

	2002		2003		2004		2005	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Harta Benda, Loji dan Peralatan	0.5	0.1	1.3	0.2	1.5	0.2	6.1	0.7
Pelaburan Harta Benda	34.4	7.4	33.8	5.9	33.2	4.6	41.9	5.1
Pembiayaan	14.3	3.1	13.6	2.4	8.5	1.2	6.5	0.8
Pelaburan	190.5	41.1	257.1	45.3	349.5	48.3	434.3	52.2
Sekuriti Islam Kerajaan	46.4	10.1	58.6	10.3	99.1	13.7	106.4	12.8
Sekuriti Hutang Swasta Islam dan Ekuiti	142.5	30.7	197.1	34.7	248.9	34.4	326.6	39.3
Pelaburan Lain	1.6	0.3	1.4	0.3	1.5	0.2	1.3	0.1
Aset Asing	2.5	0.5	2.5	0.4	2.5	0.3	2.5	0.3
Akaun Pelaburan dan Pasaran Wang Islam	170.3	36.7	202.3	35.6	236.6	32.7	213.7	25.8
Wang Tunai dan Baki Bank	12.7	2.7	4.8	0.9	8.0	1.1	16.7	2.0
Aset Lain	38.9	8.4	52.7	9.3	83.7	11.6	108.3	13.1
Jumlah	464.1	100.0	568.1	100.0	723.5	100.0	830.0	100.0

Carta 1.5
Komposisi Aset Kumpulan Wang Takaful Am



Rizab Teknikal

Rizab teknikal yang diselenggara oleh pengendali takaful pada tahun 2005 adalah mencukupi dengan nisbah rizab teknikal sebanyak 156%. Rizab caruman tidak terperoleh, yang merupakan 63% daripada keseluruhan rizab teknikal, berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 14.3% (2004: 107.4%) kepada RM350.6 juta. Peruntukan untuk tuntutan belum dibayar ialah RM205.6 juta dengan RM65.4 juta atau 31.8% ialah rizab tuntutan tertanggung tetapi tidak dilaporkan.

Jadual 1.17
Rizab Teknikal

	Rizab Caruman Tidak Terperoleh[1]	Peruntukan Tuntutan Belum Dibayar	Rizab Teknikal
	RM juta		
2001	99.8	128.4	228.2
2002	122.9	163.8	286.7
2003	147.9	170.9	318.8
2004	306.7	188.7	495.4
2005	350.6	205.6	556.2
	% caruman bersih		
2001	55.4	71.3	126.6
2002	55.3	73.7	129.0
2003	58.8	68.0	126.8
2004	93.3	57.4	150.7
2005	98.3	57.7	156.0

[1] Rizab caruman tidak terperoleh bagi tahun 2004 termasuk bahagian rizab bagi pelan takaful kebakaran jangka panjang Perbendaharaan Persekutuan. Tiada pelarasan rizab dilakukan bagi tahun-tahun sebelumnya